



Anwar bersalaman dengan Abang Johari sambil diperhatikan Fadillah (tiga dari kiri) pada Majlis Menandatangani Pernyataan Bersama dan Sidang Media Bersama Premier Sarawak di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Putrajaya, Sarawak meterai deklarasi minyak dan gas

BERITA HARIAN 22 MAY 2025

PETRONAS, PETROS capai persefahaman bergerak seiring demi negara

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan Persekutuan dan Sarawak mencapai persefahaman dalam isu PETRONAS dan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS) menerusi pemeteraian satu deklarasi bersama, semalam.

Deklarasi bersama itu ditanandatangani Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Perdana Putra.

Pada sidang media bersama, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata pemeteraian itu persefahaman yang baik mengenai PETRONAS dan PETROS adalah untuk memajukan Malaysia dan Sarawak.

Menerusi deklarasi itu, kedua-dua entiti itu akan mengusahakan kegiatan minyak dan gas secara bersama mengikut lunas peruntukan undang-undang Persekutuan dan negeri Sarawak.

Perdana Menteri berkata, melalui pemeteraian deklarasi itu, kedua-dua undang-undang itu akan dihormati kedua-dua entiti

dalam industri minyak berkenaan yang akan bergerak seiring demi kepentingan bersama.

"Alhamdulillah kita dapat selesaikan masalah yang timbul. Deklarasi ini akan membawa persefahaman dan pendekatan bersama PETRONAS dan PETROS mengusahakan (bersama) kegiatan minyak dan gas demi kepentingan negara mengikut lunas peruntukan yang ada iaitu undang-undang Sarawak dan Persekutuan.

"Kita akan hormati dua-dua peruntukan ini dan mereka akan bergerak bersama demi kepentingan negara dan Sarawak," katanya pada Majlis Menandatangani Pernyataan Bersama dan Sidang Media Bersama Premier Sarawak di Pejabat Perdana Menteri (PMO), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Menteri Telekomunikasi dan Utiliti Sarawak, Datuk Seri Julaihi Narawi dan Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS), Datuk Ibrahim Baki.

Tak gugat PETRONAS

Memperincikan mengenai deklarasi itu, Anwar berkata, peranan PETRONAS tidak tergugat, sebaliknya syarikat minyak dan gas negara itu meneruskan peranannya melalui kerjasama dengan PETROS.

"Persefahaman yang kita lakukan ini adalah bagi memastikan

pergerakan PETRONAS diteruskan dan peranan PETROS di Sarawak diiktiraf.

Kedua-duanya berganding bahu mengangkat martabat negara melalui industri minyak dan gas di peringkat hiliran, huluan dan beberapa kegiatan tenaga alternatif.

"Seperti yang dicatatkan (dalam deklarasi bersama) hasrat kita bersama adalah menjadikan Sarawak sebagai hab permulaan (industri minyak dan gas) bagi ASEAN.

"Bagi saya, pendekatan itu sangat realistik. Ia akan memberikan kemenangan kepada negara dan keberhasilan serta mengangkat kedudukan ekonomi Sarawak," katanya.

Tambahnya, dari segi prinsip, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sarawak mempunyai kefahaman yang jelas mengenai kedua-dua akta yang berkaitan dengan aktiviti minyak dan gas di Sarawak iaitu Ordinan Pengagihan Gas 2016 (DGO) dan di peringkat Persekutuan melalui Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA).

"Perkara ini sebenarnya, dari segi prinsip, telah lama disepakati seperti mana saya dan Premier pernah berunding, sudah ada parameter jelas, iaitu menerima PDA 1974 dan DGO 2016.

"Maknanya, keadaan terkini menuntut kita menerima kenyataan bahawa Sarawak berkembang lebih matang dan lebih punyai keupayaan, termasuk mendirikan syarikat minyak negeri yang punyai potensi besar," katanya.